

**TAHAP PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN PENCAPAIAN  
KOKURIKULUM MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH  
JENIS KEBANGSAAN CINA**

**CHUAH HONG NGEE**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

## ABSTRAK

Kajian ini bermatlamat untuk meninjau tahap pentadbiran dan kepimpinan guru-guru dalam mempengaruhi pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah yang terletak di daerah Kinta Selatan, Perak. Dalam komponen pentadbiran, faktor-faktor yang dikaji terdiri daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian. Dalam komponen kepimpinan guru, tiga aspek dari segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen ditinjau terhadap pencapaian kokurikulum murid. Sampel kajian terdiri daripada 240 orang guru penasihat kokurikulum daripada 15 buah sekolah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan ujian korelasi Pearson. Dalam kajian ini, tahap diukur mengikut skala yang dibina berdasarkan skor min iaitu tahap rendah (1.00-2.33), tahap sederhana (2.34-3.66) dan tahap tinggi (3.67-5.00). Dapatan kajian menunjukkan tahap pentadbiran dalam mempengaruhi pencapaian kokurikulum murid adalah tinggi iaitu dengan skor min 3.90. Skor min bagi aspek perancangan adalah 3.96, pengawalan 3.86 dan penilaian 3.89 dalam pelaksanaan pentadbiran terhadap kokurikulum. Manakala tahap kepimpinan guru dalam meningkatkan pencapaian kokurikulum murid juga adalah pada tahap tinggi iaitu skor min 3.83, di mana skor min dari segi kesediaan adalah 3.93, pengetahuan 3.74 dan komitmen 3.83. Dapatan kajian juga menunjukkan pentadbiran dan kepimpinan guru mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian kokurikulum murid di mana korelasi di antara pentadbiran dengan pencapaian kokurikulum mencatat nilai pekali korelasi 0.56. Manakala hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum mencatat nilai pekali korelasi 0.47. Kajian ini menyumbang maklumat penting dalam pembangunan dasar kegiatan kokurikulum supaya program kokurikulum ditegaskan lagi semasa merancang, mengadaptasi dan menilai murid dalam pembangunan kurikulum.

**THE LEVEL OF MANAGEMENT IN CO-CURRICULAR AND STUDENTS'  
CO-CURRICULAR ACHIEVEMENT IN THE  
CHINESE PRIMARY SCHOOLS**

**ABSTRACT**

This study investigates the level of the administration and the leadership of teachers towards students' achievement in co-curricular programs for the schools in the district of Kinta Selatan, Perak. The study focuses on 3 components under administration of co-curricular which are planning, controlling and evaluation. In the teachers' leadership component, 3 aspects in terms of their readiness, knowledge and commitment towards the performance of students in the field of co-curricular were also examined. The samples consist of 240 teachers as co-curricular advisors from 15 Chinese primary schools in the district of Kinta Selatan, Perak. The survey was carried out based on quantitative research method. The questionnaire required respondents to choose the items according to Likert Scale with 5 options. The data had been collected and analysed using descriptive method and Pearson correlation test. In this study, the level was measured according to the scales constructed based on the min score which were low (1.00-2.33) moderate (2.34-3.66) and high (3.67-5.00) respectively. The results showed that the level of administration which affected students' achievement in co-curricular are relatively high with the mean value of 3.90. The mean value of administration for planning, controlling and evaluation were 3.96, 3.86 and 3.89 respectively. In addition, the teachers' leadership in improving the students' achievement in co-curricular had also shown high mean value of 3.83. The mean value for their readiness, knowledge and commitment had indicated high mean value of 3.93, 3.74 and 3.83 respectively. The findings of the study showed that there was a significant relationship between the administration of co-curricular and the teachers' leadership towards the students' achievement. The correlation between administration and students' achievement carried the coefficient value of 0.56 while the teachers' leadership and students' achievement had indicated the coefficient value of 0.47. This study provided valuable information in the development of co-curricular activities which helps to emphasize in the planning, implementing and students' assessment in the curriculum development.

## KANDUNGAN

|                                                           | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------|------------|
| <b>PENGAKUAN</b>                                          | ii         |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                        | iii        |
| <b>ABSTRAK</b>                                            | iv         |
| <b>ABSTRACT</b>                                           | v          |
| <b>KANDUNGAN</b>                                          | vi         |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                     | xii        |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                      | xiv        |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                  | xv         |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                                   | xvi        |
| <b>BAB 1 PENGENALAN</b>                                   |            |
| 1.1    Pendahuluan                                        | 1          |
| 1.2    Latar Belakang Kajian                              | 5          |
| 1.2.1    Penglibatan Guru-Guru Dalam Kegiatan Kokurikulum | 10         |
| 1.3    Pernyataan Masalah                                 | 12         |
| 1.4    Tujuan Kajian                                      | 17         |
| 1.5    Objektif Kajian                                    | 17         |
| 1.6    Soalan Kajian                                      | 18         |
| 1.7    Hipotesis Kajian                                   | 19         |


|                                    |                                    |                                    |
|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDID                  |
| N IDRIS                            | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI F                       |                                    |                                    |
| 1.8                                | Kerangka Teoritikal Kajian         | 19                                 |
| 1.9                                | Kerangka Konseptual Kajian         | 22                                 |
| 1.10                               | Kepentingan Kajian                 | 23                                 |
| 1.11                               | Batasan Kajian                     | 24                                 |
| 1.12                               | Definisi Operasional               | 25                                 |
| 1.12.1                             | Pengurusan                         | 25                                 |
| 1.12.2                             | Kokurikulum                        | 26                                 |
| 1.12.3                             | Pengurusan Kokurikulum             | 26                                 |
| 1.12.4                             | Perancangan                        | 27                                 |
| 1.12.5                             | Pengawalan                         | 27                                 |
| 1.12.6                             | Penilaian                          | 27                                 |
| 1.12.7                             | Kesediaan                          | 28                                 |
| 1.12.8                             | Pengetahuan                        | 28                                 |
| 1.12.9                             | Komitmen                           | 29                                 |
| 1.12.10                            | Pencapaian Kokurikulum             | 29                                 |
| 1.13                               | Rumusan                            | 30                                 |
| <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>    |                                    |                                    |
| 2.1                                | Pengenalan                         | 31                                 |
| 2.2                                | Teori Dan Pendekatan Pengurusan    | 32                                 |
| 2.3                                | Konsep Pengurusan                  | 40                                 |
| 2.3.1                              | Perancangan Dalam Pengurusan       | 43                                 |
| 2.3.2                              | Pengawalan Dalam Pengurusan        | 44                                 |
| 2.3.3                              | Penilaian Dalam Pengurusan         | 46                                 |
| 2.4                                | Teori Pengurusan Matlamat          | 47                                 |
| 2.5                                | Pengurusan Dalam Pendidikan        | 49                                 |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |

|                                    |                                                         |                                    |
|------------------------------------|---------------------------------------------------------|------------------------------------|
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                      | UNIVERSITI PENDID                  |
| N IDRIS                            | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                      | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI F                       |                                                         |                                    |
| 2.6                                | Kurikulum                                               | 54                                 |
| 2.6.1                              | Kokurikulum                                             | 55                                 |
| 2.7                                | Konsep Kokurikulum                                      | 55                                 |
| 2.7.1                              | Matlamat Kokurikulum                                    | 58                                 |
| 2.7.2                              | Strategi Pelaksanaan Kokurikulum                        | 62                                 |
| 2.8                                | Pengurusan Kokurikulum                                  | 69                                 |
| 2.9                                | Teori Pencapaian                                        | 76                                 |
| 2.10                               | Pencapaian Kokurikulum                                  | 78                                 |
| 2.11                               | Pentadbiran                                             | 80                                 |
| 2.11.1                             | Perancangan                                             | 81                                 |
| 2.11.2                             | Pengawalan                                              | 83                                 |
| 2.11.2.1                           | Pemantauan                                              | 84                                 |
| 2.11.2.2                           | Penyeliaan                                              | 85                                 |
| 2.11.3                             | Penilaian                                               | 86                                 |
| 2.12                               | Guru Penasihat Sebagai Faktor Kecemerlangan Kokurikulum | 89                                 |
| 2.12.1                             | Kesediaan                                               | 90                                 |
| 2.12.2                             | Pengetahuan                                             | 91                                 |
| 2.12.3                             | Komitmen                                                | 94                                 |
| 2.12.3.1                           | Sikap                                                   | 96                                 |
| 2.13                               | Kajian Lepas Yang Berkaitan                             | 98                                 |
| 2.14                               | Rumusan                                                 | 109                                |
| <b>BAB 3 METODOLOGI</b>            |                                                         |                                    |
| 3.1                                | Pengenalan                                              | 110                                |
| 3.2                                | Reka Bentuk Kajian                                      | 111                                |
| 3.3                                | Populasi Dan Sampel Kajian                              | 112                                |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                      | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                      | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |

|                                    |                                                                                |                                    |
|------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------|
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                             | UNIVERSITI PENDID                  |
| N IDRIS                            | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                             | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI F                       |                                                                                |                                    |
| 3.4                                | Instrumen Kajian                                                               | 114                                |
| 3.4.1                              | Kesahan Dan Kebolehpercayaan                                                   | 118                                |
| 3.5                                | Kajian Rintis                                                                  | 120                                |
| 3.6                                | Prosedur Pengumpulan Kajian                                                    | 121                                |
| 3.7                                | Analisis Data                                                                  | 122                                |
| 3.7.1                              | Statistik Deskriptif                                                           | 123                                |
| 3.7.2                              | Statistik Inferensi                                                            | 123                                |
| 3.8                                | Rumusan                                                                        | 125                                |
| <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>        |                                                                                |                                    |
| 4.1                                | Pengenalan                                                                     | 126                                |
| 4.2                                | Maklumat Responden                                                             | 127                                |
| 4.2.1                              | Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina                                   | 127                                |
| 4.2.2                              | Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur                                      | 128                                |
| 4.2.3                              | Latar Belakang Responden Berdasarkan Jenis Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai  | 129                                |
| 4.2.4                              | Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Sebagai Jawatan Guru Penasihat | 129                                |
| 4.2.5                              | Latar Belakang Responden Berdasarkan aktiviti Kokurikulum Yang Paling Disukai  | 130                                |
| 4.3                                | Maklum Balas Responden Terhadap Persoalan Kajian                               | 131                                |
| 4.3.1                              | Tahap Pentadbiran                                                              | 131                                |
| 4.3.1.1                            | Tahap Perancangan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid              | 132                                |
| 4.3.1.2                            | Tahap Pengawalan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid               | 134                                |
| 4.3.1.3                            | Tahap Penilaian Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid                | 136                                |
| 4.3.2                              | Tahap Kepimpinan Guru                                                          | 138                                |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                             | UNIVERSITI PENDIDIKA               |
| ORIS                               | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                             | UNIVERSITI PEN                     |

|                                                    |                                                                     |                                    |
|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------|
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                 | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                  | UNIVERSITI PENDID                  |
| N IDRIS                                            | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                  | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI F                                       |                                                                     |                                    |
| 4.3.2.1                                            | Tahap Kesediaan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid     | 139                                |
| 4.3.2.2                                            | Tahap Pengetahuan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid   | 141                                |
| 4.3.2.3                                            | Tahap Komitmen Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid      | 143                                |
| 4.3.3                                              | Pencapaian Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai           | 146                                |
| 4.4                                                | Hubungan Pengurusan Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid             | 149                                |
| 4.5                                                | Dapatan Pengujian Hipotesis                                         | 150                                |
| 4.5.1                                              | Hubungan Antara Pentadbiran Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid     | 151                                |
| 4.5.2                                              | Hubungan Antara Kepimpinan Guru Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid | 152                                |
| 4.6                                                | Rumusan                                                             | 153                                |
| <b>BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b> |                                                                     |                                    |
| 5.1                                                | Pengenalan                                                          | 154                                |
| 5.2                                                | Perbincangan Dapatan Kajian                                         | 155                                |
| 5.2.1                                              | Tahap Pentadbiran                                                   | 155                                |
| 5.2.2                                              | Tahap Kepimpinan Guru                                               | 162                                |
| 5.2.3                                              | Hubungan Pentadbiran Dengan Pencapaian Kokurikulum                  | 168                                |
| 5.2.4                                              | Hubungan Kepimpinan Guru Terhadap Pencapaian Kokurikulum            | 171                                |
| 5.3                                                | Ringkasan Kajian                                                    | 174                                |
| 5.4                                                | Kesimpulan Kajian                                                   | 176                                |
| 5.5                                                | Implikasi Terhadap Amali dan Teori                                  | 178                                |
| 5.5.1                                              | Implikasi Kajian Terhadap Amali                                     | 178                                |
| 5.5.2                                              | Implikasi Kajian Terhadap Teori                                     | 182                                |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                 | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                  | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                 | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS                                  | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |

|                                    |                                    |                                    |
|------------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDID                  |
| N IDRIS                            | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS | UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS |
|                                    |                                    | UNIVERSITI F                       |
| 5.6                                | Cadangan                           | 186                                |
| 5.7                                | Cadangan Kajian Lanjutan           | 191                                |
| 5.8                                | Rumusan                            | 193                                |
|                                    | RUJUKAN                            | 195                                |
|                                    | LAMPIRAN                           | 215                                |



## SENARAI JADUAL


| No. Jadual                                                                                          | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1 Pecahan Sampel Sebenar                                                                          | 113        |
| 3.2 Nilai Skor Mengikut Skala Likert                                                                | 116        |
| 3.3 Pembahagian Dan Taburan Bilangan Soal Selidik                                                   | 118        |
| 3.4 Nilai Alfa Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Kajian Rintis dan Kajian Sebenar | 121        |
| 3.5 Julat Min Bagi Menjawab Soalan Kajian                                                           | 123        |
| 3.6 Ringkasan Pengujian Hipotesis                                                                   | 124        |
| 3.7 Kekuatan Korelasi Antara Dua Pemboleh Ubah                                                      | 125        |
| 4.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina                                                    | 127        |
| 4.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur                                                       | 128        |
| 4.3 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jenis Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai                   | 129        |
| 4.4 Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Sebagai Jawatan Guru Penasihat                  | 130        |
| 4.5 Latar Belakang Responden Berdasarkan Aktiviti Kokurikulum Yang Paling Disukai                   | 130        |
| 4.6 Analisis Responden Tentang Tahap Pentadbiran                                                    | 131        |
| 4.7 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Perancangan                | 133        |
| 4.8 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Pengawasan                 | 135        |

|      |                                                                                |     |
|------|--------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.9  | Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Penilaian | 137 |
| 4.10 | Analisis Responden Tentang Kepimpinan Guru                                     | 139 |
| 4.11 | Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Kesediaan   | 140 |
| 4.12 | Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Pengetahuan | 142 |
| 4.13 | Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Komitmen    | 144 |
| 4.14 | Pencapaian Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai                      | 147 |
| 4.15 | Hubungan Pentadbiran Terhadap Pencapaian Kokurikulum                           | 149 |
| 4.16 | Hubungan Kepimpinan Guru Terhadap Pencapaian Kokurikulum                       | 150 |
| 4.17 | Hubungan Pentadbiran Terhadap Pencapaian Kokurikulum                           | 151 |
| 4.18 | Hubungan Kepimpinan Terhadap Pencapaian Kokurikulum                            | 152 |



**SENARAI RAJAH**

| <b>No. Rajah</b> |                                                   | <b>Muka Surat</b> |
|------------------|---------------------------------------------------|-------------------|
| 1.1              | Konsep Kokurikulum                                | 8                 |
| 1.2              | Kerangka Teoritikal Kajian                        | 20                |
| 1.3              | Kerangka Konseptual Kajian                        | 23                |
| 2.1              | Model Gerak Kerja Kokurikulum                     | 57                |
| 2.2              | Matlamat Kokurikulum                              | 58                |
| 2.3              | Strategi Pelaksanaan Kokurikulum                  | 63                |
| 2.4              | Carta Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah | 71                |

**SENARAI SINGKATAN**

|         |                                                           |
|---------|-----------------------------------------------------------|
| FPK     | Falsafah Pendidikan Kebangsaan                            |
| IPG     | Institut Pendidikan Guru                                  |
| IPTA    | Institusi Pengajian Tinggi Awam                           |
| KPM     | Kementerian Pendidikan Malaysia                           |
| MBO     | Teori Pengurusan Matlamat atau 'Management by Objectives' |
| PAJSK   | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum       |
| PdP     | Pembelajaran dan Pengajaran                               |
| PKKK    | Penolong Kanan Kokurikulum                                |
| RIMUP   | Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan                 |
| SJK (C) | Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)                           |

**SENARAI LAMPIRAN**

- A      Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)
- B      Borang Soal Selidik
- C      Surat Kelulusan Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan adalah salah satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia (Mohd Khalid Nordin & Wan Hassan Wan Ahmad, 2007). Ia merupakan salah satu daripada sektor yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan generasi masa depan. Oleh itu, kualiti kehidupan rakyat dalam sesebuah negara dapat diukur melalui tahap pendidikan rakyatnya.

Pendidikan moden bermatlamat pada perkembangan keseluruhan kanak-kanak. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai pengalaman berpendidikan diterap dalam program sekolah yang dapat menyumbang kepada kehidupan seseorang murid yang normal dan gembira. Dalam renungan ini, pengalaman pendidikan sepatutnya bukan

saja melibatkan pengetahuan formal yang membantu seseorang murid untuk memperkembangkan intelek dan mental, malah juga pengalaman sosial, fizikal dan perkembangan kerohanian (Winston, Bonney, Miller, & Dagley, 2008).

Sistem persekolahan di Malaysia berpandukan Akta Pelajaran 1961. Kegiatan pendidikan di sekolah terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu kurikulum dan kokurikulum (Laporan Razak, 1956). Aktiviti, proses dan isi kandungan pembelajaran dan pengajaran yang dilakukan di bilik darjah atau mata pelajaran akademik disebut kurikulum manakala aktiviti-aktiviti yang sebahagian besarnya dilakukan di luar bilik darjah dikenali sebagai kokurikulum (Tung, 2008; Nor Azah Azman, 2007). Kedua-dua konsep tersebut menjadi tanggungjawab pendidik untuk membantu murid dalam perkembangan daripada aspek sahsiah, rohani, mental dan disiplin diri (Tam, 2010; Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2006; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Menurut Mok (2008), memang jelas matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk mewujudkan satu bangsa bercorak Malaysia yang bersatu padu dan dihormati. Hasrat murni ini akan dapat dicapai sekiranya generasi muda sekarang diberikan pendidikan yang seimbang dan sempurna. Justeru itu, modal insan yang seimbang dalam semua domain telah diterapkan ke dalam sistem pendidikan negara.

Pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum (Zahid Bashir & Shafqat Hussain, 2012; Mohd Najib Abdul Ghafar, 2007). Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi membiayai pembinaan pusat kokurikulum di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun (KPM, 2006). Rancangan ini

telah menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan elemen penting dalam pembangunan modal insan melalui sistem pendidikan negara.

Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Kokurikulum menumpukan hasil pembelajarannya terhadap pencapaian dalam komponen psikomotor dan afektif di samping kognitif (Jamaludin Badusah, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, & Rosna Awang Hashim, 2009). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), bidang kokurikulum berupaya memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Proses pembinaan individu ini perlu berterusan dan menyeluruh tanpa ada pemisahan antara kurikulum dan kokurikulum (Tam, 2010; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Mengikut Kuh (2006), kita sepatutnya memberi penekanan yang wajar kepada aktiviti kokurikulum untuk perkembangan keseluruhan kanak-kanak. Seseengah negara telah menyedari kepentingan aktiviti kokurikulum. Oleh itu, mereka telah membuat pertimbangan semula terhadap sistem pendidikan untuk memastikan pengenalan awal bakat murid-murid di negara mereka.

Di negara Nepal, Pelan Sistem Pendidikan Kebangsaan telah mewajibkan murid-murid menyertai aktiviti kokurikulum dan arahan diberi untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seperti aktiviti fizikal, kesusasteraan, artistik, budaya, hobi, aktiviti pertukangan, lawatan, kebajikan sosial dan sebagainya (Wangai, 2012).

Menurut Wangai lagi, program aktiviti kokurikulum yang dijalankan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jamaika, Jerman, England dan China juga telah dikenal pasti sebagai mekanisme yang paling penting bagi perkembangan psikologi dan intelek murid-murid. Aktiviti-aktiviti ini telah berkembang sebagai sebahagian proses yang diperlu dalam proses pembelajaran.

Sumbangan kokurikulum sebagai satu komponen yang menyumbang kepada keseimbangan modal insan tidak lagi boleh dipandang ringan. Hal ini kerana komponen ini bukan sahaja berperanan sebagai lapangan pendidikan daya kepimpinan serta kerja berpasukan tetapi juga bertindak sebagai agen yang membantu kerajaan dalam menyediakan pendidikan yang holistik (Crocco & Wakeman, 2014; Nurul Haerani Mohamad, Ahmad Esa, & Zalina Aishah Abd Aziz, 2014; Zahid Bashir & Shafqat Hussain, 2012; Mohd Tahir & Othman, 2010; Wong, 2007).

Kementerian Pendidikan telah mengiktiraf peranan kokurikulum melalui Memorandum Langkah Untuk Memantapkan Program Kurikulum Tahun 2005. Memorandum tersebut menggariskan bahawa penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum menyumbang sebanyak 10 peratus kepada syarat masuk ke beberapa institusi pengajian seperti Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional KPM, 2006).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, ini telah jelas membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan elemen yang penting dalam perkembangan keseluruhan individu murid. Oleh sebab itu, semua pihak memandang serius terhadap pengurusan dan pencapaian kokurikulum (Yusnizam Ahmad, 2008; Mohd Najib Abdul Ghafar, 2007; Wong, 2007).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Mok (2011), kokurikulum merupakan satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Oleh itu aktiviti-aktiviti kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada murid untuk menambah, mengukuhkan dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah. Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember 1967, No. 5652 (Peraturan Kursus Pengajian) Sekolah 1956, pula mendefinisikan kokurikulum sebagai kegiatan kumpulan.

Sejarah pendidikan negara turut mencatatkan bahawa kokurikulum bermula sebagai aktiviti yang dianggap remeh lantaran fungsi pelaksanaannya tidak menyumbang kepada faedah pendidikan seseorang murid yang sebenar. Nazari Raduan (2014) menerangkan bahawa kokurikulum sebelum ini dipanggil *extra-curriculum* iaitu program pendidikan yang terletak di luar ruang lingkup pendidikan yang sebenar. Perkembangan dunia pendidikan khususnya di Malaysia akhirnya menyedari bahawa program *extra-curriculum* ini memiliki kepentingan terhadap

proses pendidikan murid-murid sekolah. Perubahan corak pandangan terhadap kepentingan kokurikulum akhirnya membawa kepada keputusan Kementerian Pendidikan untuk memasukkan kokurikulum sebagai satu mata pelajaran dalam jadual persekolahan dengan peruntukan 60 minit seminggu dan telah diluluskan pada tahun 1985 (Mohd Suzli Abdullah, 1997).


Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan arahan yang jelas mengenai pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/1985, bertarikh 2 Januari 1985. Surat Pekeliling ini menggariskan agar bidang kokurikulum diadakan dengan penjenisan sekali iaitu semua murid sekurang-kurangnya perlu mengambil bahagian dalam unit beruniform, kelab atau persatuan dan juga mengambil bahagian dalam satu jenis sukan dan permainan. Di samping itu turut ditegaskan matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki penyertaan murid dan juga guru. Semua guru dikehendaki memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah.

Dengan itu, bahagian sekolah, Kementerian Pendidikan telah menetapkan 10 peratus penglibatan murid dalam kokurikulum sebagai syarat kemasukan ke IPTA mulai sesi pengambilan 2007/2008 (Fauziah Mohd. Sarjan, Fatimah Mohd. Sarjan, Siti Mizarina Ghazali, & Mohd Noor Hashim, 2010). Langkah ini memperlihatkan guru-guru sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang cukup besar dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah.

Sepatutnya bidang kokurikulum dapat membantu murid-murid untuk maju dalam pelajarannya, kerana melalui kegiatan yang dijalankan oleh para murid secara tidak langsung akan memperoleh ilmu pengetahuan tanpa disedari (secara tidak formal). Aktiviti kokurikulum yang juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan dapat membantu murid-murid dalam perkembangan daripada aspek sahsiah, rohani, mental dan disiplin diri (Muhammad Badar Habib, Muhammad Asif Nadeem, Hassan Danial Aslam, Mukhtar Ahmad, & Zahid Hussain, 2011; Tam, 2010; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004; Mwisukha, Njororai, & Onywera, 2003).

Kegiatan kokurikulum sekolah pada masa kini adalah sebahagian daripada proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah. Sebagai satu bidang pendidikan, setiap murid harus melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap keberkesanan pembelajaran dan pengajaran untuk membentuk dan melahirkan murid yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui pengalaman kehidupan dalam pelbagai konteks dan pemupukan bakat (Muhammad Badar Habib et al., 2011; Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, & Hafsa Mohamed Makki, 2008; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Berpandukan Rajah 1.1, perkaitan yang jelas di antara kurikulum dan kokurikulum digambarkan. Dengan ini, jelaslah bahawa kokurikulum dan kurikulum saling mencakupi, mengait, mengukuh dan melengkapi dalam sistem pendidikan negara (Ishak Yussof, Rahmah Ismail, & Robiah Sidin, 2008).



Rajah 1.1. Konsep Kokurikulum. Sumber: Ab. Alim Abdul Rahim, 2004, hlm.4

Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979), memberi pengertian bahawa kokurikulum juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap lebih bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai. Tambahan pula, kegiatan kokurikulum adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau *esprit de corps* di antara murid pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan.

Kokurikulum merupakan salah satu aktiviti yang boleh meningkatkan interaksi dan integrasi dalam kalangan murid. Ia juga membina sahsiah bersepadu daripada segi psikomotor, kognitif dan afektif untuk melahirkan insan yang seimbang seperti termaktub dalam FPK. Menurut Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, & Borhan Yusof, (2002), kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada murid